

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

2. Isu penggondolan bukit di Telok Bahang.
 - (a) Sebutkan no lot dan nama syarikat yang terlibat.
 - (b) Adakah kebenaran merancang telah diberikan?
 - (c) Apakah tindakan yang telah diambil dalam menangani isu ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. (a) No. lot dan syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

No. Lot / Status Tanah	Nama syarikat / Pemilik	Tujuan
Lot 508, Lot 513, Lot 376, Lot 527, Lot 528, Lot 536, Lot 584, Lot 581, Lot 582, Lot 583, Lot 31 dan Lot 32, Mukim 2, Daerah Barat Daya. (12 Lot) / Condition A & B	Lim Plantation Company Sdn. Bhd.	Penggondolan bukit bagi tujuan kuari.
Lot 46, Mukim 2, Daerah Barat Daya. / Condition A & B	ACE Destination Sdn. Bhd.	Penggondolan bukit bagi tujuan kuari.

Lot 517, Mukim 2, Daerah Barat Daya./ / Condition A & B	Wawasan Sdn. Bhd.	Pusaka	Penggondolan bukit bagi tujuan kuari.
--	----------------------	--------	---

- (b) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang memaklumkan bahawa tiada sebarang kebenaran merancang telah diberikan bagi kesemua lot yang dinyatakan di (a).
- (c) Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang telah mengeluarkan Notis di bawah Kaedah 7, Keadah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 kepada ketiga-tiga syarikat berkenaan iaitu Lim Plantation Company Sdn. Bhd., ACE Destination Sdn. Bhd. dan Wawasan Pusaka Sdn. Bhd. kerana tidak memiliki Lesen Operasi Kuari.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang pula telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Kes pertuduhan kesalahan terhadap pemilik tanah /pengusaha menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan MBPP dibawah seksyen 70A Akta Parit Jalan dan Bangunan 1974 telah difaiklan ke mahkamah dan sedang menunggu tarikh perbicaraan.
- (ii) Kerja-kerja di tapak telah dihentikan.
- (iii) Pemilik tanah/pengusaha kuari telah melantik jurutera perunding untuk menjalankan kerja-kerja mitigasi pada bahagian cerun yang telah dipotong.